

1

PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

- Perspektif Keseluruhan
- Tinjauan
- Peluang dan Cabaran

Rencana 1.1 – Produktiviti Faktor Keseluruhan di Malaysia

- Inisiatif Strategik – Belanjawan 2020

Rencana 1.2 – Perubahan Struktur dalam Ekonomi Malaysia: Analisis Input-Output

Rencana 1.3 – Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti di Malaysia

Rencana 1.4 – Malaysia pada 2030

- Kesimpulan
- Rujukan

1 | PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

Perspektif Keseluruhan

Pengenalan beberapa dasar dan strategi oleh Kerajaan sejak memegang tampuk pemerintahan mampu mempersiapkan Malaysia baharu untuk mengembalikan semula status sebagai Harimau Asia. Penerapan prinsip kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan (CAT) dalam segenap spektrum pengurusan Kerajaan menjadi keutamaan untuk mencapai hasrat ini. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk melaksanakan perubahan dan penambahbaikan pada setiap peringkat pengurusan bagi memulihkan semula keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran negara. Agenda reformasi ini telah mengembalikan semula imej Malaysia di mata dunia.

Pertumbuhan global dijangka menyederhana pada 2019 dan 2020 berikutan ketidakpastian dalam ekonomi dunia berbanding pertumbuhan tinggi yang dicatat semasa pertengahan 2018. Ekonomi Malaysia berkembang 4.7% dalam separuh pertama 2019 meskipun berdepan persekitaran yang mencabar. Pencapaian ini merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan terutamanya ketika Kerajaan berhadapan cabaran besar dalam menangani pelbagai isu diwarisi yang telah mengehadkan kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif secara efektif dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan yang berdaya tahan ini menjadi bukti kepada asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi domestik. Kemajuan ini dikukuhkan lagi melalui penilaian positif ke atas prestasi ekonomi Malaysia oleh pelbagai institusi antarabangsa. Contoh paling ketara ialah semakan semula oleh Fitch Solutions pada Ogos 2019 yang telah mengunjurkan pertumbuhan lebih tinggi bagi ekonomi Malaysia pada 2019 daripada 4.2% kepada 4.6% berikutan prestasi melebihi jangkaan yang dicatat pada separuh pertama tahun tersebut.

Selain daripada ketidakpastian persekitaran global, antara cabaran paling kritikal yang turut dihadapi oleh Kerajaan dalam menguruskan

ekonomi termasuk perubahan permintaan oleh industri dan pihak berkepentingan lain serta dirumitkan lagi dengan bebanan hutang dan liabiliti yang besar. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, Kerajaan terus berusaha untuk memenuhi janji kepada rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Wawasan ini menetapkan hala tuju baharu ekonomi bagi memacu pertumbuhan mampan, berteknologi tinggi dan inklusif serta memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama bagi merapatkan jurang sosioekonomi. Inisiatif yang digariskan menerusi Wawasan ini bertujuan menyediakan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan bagi menyokong perkembangan perniagaan serta menangani kenaikan kos sara hidup untuk menambah baik kesejahteraan rakyat.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kuasa beli rakyat. Pada 1 September 2018, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) telah berkuat kuasa manakala gaji minimum telah diselaraskan kepada RM1,100 di seluruh negara pada 1 Januari 2019. Langkah tersebut bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat khususnya kumpulan isi rumah B40. Kerajaan telah memperluas dan meningkatkan jaringan keselamatan sosial melalui pelaksanaan program seperti Skim Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) yang telah mendapat sambutan positif daripada rakyat. Inisiatif lain untuk membantu kumpulan B40 termasuk pengenalan skim MySalam pada 24 Januari 2019. Skim ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan penjagaan kesihatan awam yang mampu bayar. Selain itu, Bantuan Sara Hidup (BSH) telah ditambah baik untuk memanfaatkan golongan yang memerlukan.

Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 pada 29 Januari 2019. Pelan ini bertujuan memupuk elemen tadbir urus yang baik, berintegriti dan toleransi sifar terhadap rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif ini bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk mencapai status negara maju dan dihormati.

Tinjauan

Ekonomi Global

Ekonomi global dijangka berkembang lebih perlahan 3.2% pada 2019 sebelum bertambah baik kepada 3.5% pada 2020 (IMF, 2019). Pertumbuhan ini terutamanya akan disokong oleh prestasi lebih baik negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE) yang dijangka meningkat daripada 4.1% pada 2019 kepada 4.7% pada 2020. Sementara itu, pertumbuhan dalam kalangan negara maju diunjur meningkat lebih perlahan daripada 1.9% pada 2019 kepada 1.7% pada 2020.

Dalam kalangan negara maju, AS dijangka mencatat pertumbuhan kukuh pada 2019 sebelum berkembang perlahan pada 2020 berikutan pengurangan secara beransur-ansur langkah rangsangan fiskal dan dasar perlindungan perdagangan. Pertumbuhan di kawasan euro pada 2019 pula dijangka menyederhana disebabkan oleh pengeluaran industri yang semakin perlahan dan diunjur meningkat secara marginal pada 2020 berikutan momentum aktiviti industri kembali pulih. Sementara itu, ketidaktentuan akibat Brexit terus memberikan kesan kepada keyakinan perniagaan dan permintaan domestik di UK. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pada 2020 dijangka stabil selepas Brexit pada 31 Oktober 2019. Pertumbuhan ekonomi Jepun pada 2019 dijangka meningkat secara marginal disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta seterusnya berkembang perlahan pada 2020 berikutan peningkatan cukai penggunaan dan eksport yang tidak menggalakkan.

Pertumbuhan EMDE dijangka berkembang 4.1% pada 2019 terutamanya disebabkan oleh permintaan luar dan pelaburan yang perlahan berikutan impak tarif. Pertumbuhan dalam kalangan EMDE utama dijangka terus meningkat 4.7% pada 2020 selepas kembali pulih daripada kesan tekanan pasaran kewangan. Pertumbuhan KDNK China dijangka berkembang perlahan 6.2% pada 2019 dan terus menyederhana kepada 6% pada 2020 terutamanya disebabkan oleh kelembapan struktural serta ketegangan perdagangan yang meningkat. Sementara itu,

ekonomi India diunjur berkembang pesat 7% pada 2019 dan meningkat secara marginal kepada 7.2% pada 2020 disumbangkan oleh permintaan domestik yang kukuh di samping rangsangan fiskal dan perubahan struktural. Ekonomi ASEAN diunjur berkembang 4.9% pada 2019 dan 5% pada 2020 didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh. ASEAN juga dijangka mendapat manfaat melalui eksport dan pelaburan berikutan pasaran domestik dan pendapatan per kapita China yang semakin meningkat.

Inflasi global dijangka kekal 3.6% pada 2019 dan 2020. Inflasi dalam kalangan negara maju diunjur 1.6% pada 2019 dan 2% pada 2020. Sementara itu, inflasi di EMDE diunjur 4.8% pada 2019 dan 4.7% pada 2020 disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan. Pertumbuhan perdagangan dunia diunjur berkembang perlahan 2.5% pada 2019 berikutan peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dengan China dan dijangka meningkat kepada 3.7% pada 2020 terutamanya disokong oleh pertumbuhan KDNK yang menggalakkan dalam kalangan EMDE (IMF, 2019). Selain itu, FDI global dijangka meningkat 15% kepada USD1.5 trilion pada 2019 terutamanya berikutan peningkatan penggabungan dan pengambilalihan rentas sempadan dan pelaburan baharu.

Ekonomi Domestik

Prospek ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun terdapat peningkatan ketidaktentuan persekitaran luaran. Pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat 4.7% pada 2019 dan 4.8% pada 2020. Perkembangan ini dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan terutamanya perbelanjaan isi rumah berikutan pasaran buruh yang stabil dan inflasi yang rendah. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka berkembang lebih perlahan pada 2019 dan kembali kukuh pada 2020 berikutan pelaksanaan semula projek infrastruktur dan perbelanjaan modal secara berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Aktiviti perbelanjaan sektor swasta yang menggalakkan akan mengimbangi impak penurunan perbelanjaan awam pada 2019. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dijangka kembali meningkat pada 2020 berikutan peningkatan dalam perbelanjaan modal oleh syarikat awam.

Dari sudut penawaran pula, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor perkhidmatan yang dipacu oleh aktiviti subsektor perdagangan borong dan runcit, maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans dijangka kekal kukuh disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah. Sektor pembuatan pula dijangka meningkat sederhana pada 2019 disebabkan oleh kelembapan kitaran E&E dan diunjur meningkat pada 2020 disokong oleh prospek semikonduktor yang lebih baik terutamanya pada separuh kedua 2020. Sektor pertanian diunjur berkembang berikutan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan getah asli manakala sektor perlombongan dijangka bertambah baik didorong oleh peningkatan pengeluaran gas asli. Di samping itu, sektor pembinaan juga dijangka bertambah baik disokong oleh aktiviti kejuruteraan awam.

Eksport pula dijangka berkembang sederhana pada 2019 berikutan prestasi ekonomi dan perdagangan global yang perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor ini diunjur berkembang beransur-ansur pada 2020 berikutan jangkaan pemulihan aktiviti perdagangan global. Sementara itu, lebihan akaun semasa pada 2019 dijangka bertambah berikutan peningkatan eksport bersih barangan dan perkhidmatan. Pada 2020 pula, lebihan akaun semasa dijangka mengecil berikutan peningkatan import dan defisit akaun pendapatan dan perkhidmatan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari yang akomodatif terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran inflasi yang rendah dan keadaan kewangan yang stabil. Pasaran wang dan pertukaran asing serta kegiatan perantara dijangka kekal rancak dan memacu operasi monetari. Sektor perbankan dijangka kekal kukuh dan teratur didorong oleh mudah tunai yang mencukupi serta penampungan modal yang teguh. Sementara itu, pasaran modal akan berdaya tahan dipacu oleh pembangunan infrastruktur dan instrumen yang baik. Walau bagaimanapun, faktor luaran termasuk ketegangan perdagangan antara

AS dengan China serta ketidakpastian daya pertumbuhan dan volatiliti dalam pasaran kewangan global mungkin memberi kesan kepada prestasi perbankan dan pasaran modal.

Peluang dan Cabaran

Malaysia sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka menghadapi pelbagai cabaran. Isu global seperti peningkatan ketegangan perdagangan dan ketidakpastian Brexit terus memberi kesan berpanjangan. Di peringkat domestik, kekurangan akses kepada rumah mampu milik, keadaan alam sekitar yang semakin terjejas dan kekurangan peluang pekerjaan dalam kalangan graduan merupakan sebahagian daripada kebimbangan yang sering diutarakan. Isu lain termasuk kurang penglibatan Bumiputera dalam pelbagai program pembangunan ekonomi serta keperluan penjagaan kesihatan berkualiti. Dari sudut industri, volatiliti pendapatan pekebun kecil, industri pelancongan yang kurang dinamik dan tahap penggunaan teknologi yang rendah terus memperlambat pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, kesalinghubungan logistik yang tidak mencukupi, peralihan perlahan industri E&E kepada aktiviti bernilai ditambah tinggi dan ketidakmampuan untuk mendapatkan pembiayaan merupakan antara isu yang menjadi perhatian. Justeru, Kerajaan akan menggandakan usaha bagi menangani kebimbangan rakyat dan merencanakan semula ekonomi.

Perumahan Mampu Milik

Pemilikan kediaman terutamanya rumah mampu milik terus menjadi perhatian utama dalam kalangan isi rumah. Kebanyakan rakyat masih menghadapi kesulitan memiliki rumah mampu milik. Sejumlah 32,810 unit kediaman bernilai lebih RM19.8 bilion masih tidak terjual dalam tempoh separuh pertama 2019 (JPPH, 2019). Ketakpadanan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga harta tanah yang lebih pantas berbanding pendapatan isi rumah. Institut Kajian Khazanah (2019) melaporkan bahawa dari 2012 hingga 2014, harga penengah rumah meningkat 23.5%¹ daripada RM175,000 kepada RM280,000 manakala pendapatan penengah isi rumah berkembang lebih perlahan pada kadar 11.7%.

¹ Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan.

Degradasi Alam Sekitar

Walaupun kemajuan ekonomi penting untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, namun alam sekitar juga perlu dilindungi. Isu seperti perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan kebergantungan tinggi kepada sumber tenaga tidak boleh diperbaharui terus menjadi kebimbangan. Pada masa kini, negara berada pada kedudukan kelapan dalam kalangan 13 negara terhidu di Asia Pasifik (ValueChampion, 2019). Malaysia mencatatkan prestasi rendah dalam tiga dimensi iaitu pengurusan bahan buangan plastik (ke-11), pelepasan karbon dioksida (ke-10) dan pengeluaran tenaga elektrik daripada sumber boleh diperbaharui (ke-10). Dari segi tenaga boleh diperbaharui, negara masih belum memanfaatkan sepenuhnya aset semula jadi apabila hanya menghasilkan 0.7% tenaga daripada sumber boleh diperbaharui berbanding Jepun 7.8%.

Peluang Pekerjaan

Meskipun Malaysia terus mencatat guna tenaga penuh, namun terdapat beberapa isu yang masih perlu ditangani. Isu tersebut termasuk ketakpadanan antara permintaan dan penawaran buruh, pengangguran berterusan dalam kalangan belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian serta guna tenaga tidak penuh dalam kalangan tenaga kerja mahir. Selain itu, negara masih bergantung kepada pekerja asing berkemahiran rendah terutamanya bagi sektor pembuatan yang menggaji 35.4% daripada jumlah pekerja asing diikuti sektor pembinaan (21.5%) dan sektor perkhidmatan (15.5%). Keadaan ini telah menjejaskan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Pada masa yang sama, pengambilan ekspatriat khususnya dalam Kategori III dengan pendapatan antara RM3,000 hingga RM4,999 telah mengurangkan lagi peluang pekerjaan dalam kategori mahir bagi graduan tempatan yang baru menamatkan pengajian.

Pembangunan Ekonomi Bumiputera

Penglibatan Bumiputera masih kurang dalam pelbagai aspek meskipun pelbagai program pembangunan ekonomi telah dilaksanakan. Secara umumnya, usahawan Bumiputera menghadapi kekangan kewangan yang mengehadkan potensi mereka untuk membuat pelaburan dalam perniagaan. Tambahan

pula, pendapatan purata bulanan isi rumah Bumiputera pada 2016 ialah RM6,267 iaitu lebih rendah berbanding kaum Cina (RM8,750) dan kaum India (RM7,150) (DOSM, 2017). Di samping itu, graduan Bumiputera menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sesuai disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kemahiran interpersonal dan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah. Selain itu, wujud juga ketakpadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh industri dengan kelayakan yang diperoleh graduan Bumiputera. Pada masa yang sama, penglibatan Bumiputera dalam pekerjaan profesional dan berkemahiran masih rendah terutamanya pada peringkat pembuat keputusan dan pengurusan.

Penjagaan Kesihatan Berkualiti

Penyediaan penjagaan kesihatan berkualiti merupakan antara keutamaan Kerajaan. Cabaran utama dalam mencapai objektif ini termasuk peningkatan kos penjagaan kesihatan dan kekangan kewangan Kerajaan. Pada 2018, Malaysia mencatat inflasi penjagaan kesihatan kedua tertinggi di Asia selepas Viet Nam (Marsh & McLennan, 2019). Di samping itu, Laporan Ketua Audit Negara 2018 menunjukkan hanya 58.7% hingga 74.5% pesakit dirawat di Jabatan Trauma dan Kecemasan hospital awam dalam tempoh kurang daripada empat hingga enam jam. Selain itu, kadar pesakit diabetes di Malaysia merupakan yang tertinggi di Asia dan antara tertinggi di dunia (IDF, 2017). Perubahan pola penyakit termasuk penyakit berkaitan gaya hidup dan populasi menua akan terus meningkatkan kos penjagaan kesihatan. Situasi ini bukan hanya mendorong kepada peningkatan perbelanjaan kesihatan awam tetapi juga memberi impak kepada ekonomi.

Pekebun Kecil

Pada 2018, pekebun kecil merangkumi sekitar 99% daripada 784,230 pengusaha sektor komoditi. Walau bagaimanapun, harga komoditi yang kekal rendah memberi kesan negatif kepada kehidupan pekebun kecil. Purata harga getah mencatat RM5.85 per kilogram (kg) dalam tempoh lapan bulan pertama 2019 iaitu lebih tinggi dari 2018 (Januari-Ogos: RM5.51) namun jauh lebih rendah berbanding harga purata RM7.51 bagi tempoh yang sama pada 2017. Sementara itu, harga purata minyak sawit dalam tempoh lapan bulan pertama

2019 mencatat RM1,992 setan iaitu jauh lebih rendah berbanding harga purata dalam tempoh yang sama pada 2018 (RM2,362).

Selain itu, permintaan untuk produk minyak sawit terjejas disebabkan oleh kempen negatif di negara maju terutamanya EU sehingga menimbulkan risiko yang boleh menjejaskan industri ini. Dari segi pengeluaran getah, walaupun pekebun kecil mengusahakan lebih 90% daripada keseluruhan kawasan penanaman, namun purata hasil sehektar 9% lebih rendah daripada hasil estet. Prestasi lebih rendah ini terutamanya disebabkan oleh kekurangan akses kepada bahan penanaman berkualiti tinggi serta kurang pengetahuan mengenai amalan terbaik pra- dan pasca-penuaian.

Industri Pelancongan

Industri pelancongan merupakan antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan menyumbang 15.2% daripada KDNK pada 2018. Malaysia menduduki tangga ke-15 dari segi ketibaan pelancong dan ke-21 dari segi hasil terimaan pelancong dalam kalangan 50 negara (UNWTO, 2019). Walaupun hasil terimaan pelancong meningkat 2.4% antara 2017 hingga 2018, namun statistik oleh Tourism Malaysia menunjukkan trend penurunan dari segi

ketibaan pelancong di Malaysia sejak 2017. Travel & Tourism Competitiveness Report 2019 menunjukkan bahawa Malaysia turun ke tangga ke-29 pada 2018 berbanding ke-26 pada 2017 (WEF, 2019). Industri pelancongan masih belum mencapai potensi sebenar meskipun Malaysia mempunyai aset alam semula jadi yang indah dan unik, kemajmukan bangsa dan budaya serta kepelbagaian makanan dan hiburan.

Penggunaan Teknologi

Perkembangan teknologi yang pantas memerlukan negara untuk berubah selari dengan trend tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi terutamanya dalam kalangan PKS masih rendah di Malaysia. Faktor utama yang menyumbang kepada situasi ini termasuk penyelidikan yang masih berkurangan, akses terhad kepada kumpulan bakat serta modal yang tidak mencukupi untuk perancangan strategik dan penggunaan teknologi. Di samping itu, persekitaran yang kondusif diperlukan bagi proses automasi dan penggunaan kandungan kreatif, pembuatan pintar serta Internet Benda (IoT) yang merupakan elemen penting dalam IR 4.0. Kekurangan kandungan berkaitan teknologi dalam kurikulum sekolah turut menjejaskan pembangunan bakat untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan.

Rencana 1.1

Produktiviti Faktor Keseluruhan di Malaysia


Pengenalan

Teori pertumbuhan menyatakan bahawa terdapat tiga elemen yang menyumbang kepada pengeluaran barang dan perkhidmatan iaitu buruh, modal dan Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP). Faktor TFP juga dikenali sebagai produktiviti pelbagai faktor atau *residual* Solow meliputi faktor lain yang mempengaruhi pertumbuhan yang tidak dijelaskan oleh buruh dan modal (Solow, 1957). Beberapa pendekatan telah digunakan oleh penyelidik untuk memahami TFP yang antara lain berdasarkan kepada perspektif bahawa perubahan teknologi adalah penting iaitu teknologi yang lebih baik seperti pengkomputeran atau automasi untuk meningkatkan produktiviti. Pendapat lain menyatakan bahawa faktor luaran seperti tadbir urus dan keadaan cuaca juga boleh mempengaruhi TFP. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang menganggap perubahan dalam komposisi pengeluaran serta penggunaan kaedah pengeluaran berkos rendah sebagai faktor penting TFP. Memandangkan penyelidik terus mengkaji peranan TFP dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi maka terdapat keperluan untuk menganalisis penentu utama TFP di Malaysia.

Dalam tempoh antara 1990 hingga 1997, pertumbuhan ekonomi di Malaysia didorong oleh pengumpulan modal dan pertumbuhan buruh dengan sumbangan negatif daripada TFP. Selepas krisis kewangan Asia 1997, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan sumbangan TFP di samping menggalakkan pelaburan dan kadar penyertaan tenaga buruh. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4% untuk tempoh 2010 hingga 2018 masih didahului oleh dua faktor input tersebut dengan TFP hanya menyumbang 1.1%.


Kebergantungan terhadap pengumpulan modal semata-mata tidak mencukupi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang. Berdasarkan analisis, TFP merupakan pemacu utama bagi kebanyakan negara yang telah beralih kepada ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Justeru, TFP perlu dipertingkatkan sebagai sumber utama pertumbuhan. Ekonomi yang dipacu TFP juga akan memastikan pertumbuhan yang lebih saksama dan mampan kerana modal dan buruh tertakluk kepada pulangan berkurangan dan volatiliti pasaran.

Rajah 1.1.1. Sumbangan Pertumbuhan Purata Malaysia 1990–2018



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Rajah 1.1.2. Sumbangan Pertumbuhan Purata untuk Jepun, Korea Selatan dan Singapura Sebelum Mencapai Status Pendapatan Tinggi



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Faktor yang mempengaruhi TFP adalah berbeza dan sering tidak dapat ditentukan secara jelas kerana sifatnya sebagai *residual*. Kajian Kim & Loayza (2019) telah mengenal pasti lima penentu utama bagi pertumbuhan TFP iaitu inovasi, pendidikan, kecekapan pasaran, infrastruktur fizikal dan infrastruktur institusi. Analisis tersebut menggunakan pelbagai penunjuk pembangunan untuk membina indeks penentu TFP. Penemuan kajian menunjukkan kecekapan pasaran merupakan penyumbang paling utama kepada TFP bagi negara OECD manakala pendidikan merupakan faktor terpenting bagi negara sedang membangun. Berasaskan kajian tersebut, artikel ini mengkaji penentu dan mengenal pasti faktor terpenting bagi TFP di Malaysia.


Penentu TFP di Malaysia

Inovasi

Inovasi iaitu proses menterjemahkan idea atau ciptaan kepada barangan atau perkhidmatan yang menghasilkan nilai merupakan antara faktor yang sering dirujuk sebagai penyumbang TFP. Pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) pada 2013 merupakan antara program untuk menggalakkan inovasi di Malaysia. Selain itu, inisiatif Kerajaan untuk menjayakan IR 4.0 dijangka meningkatkan lagi inovasi di negara ini. Penunjuk inovasi seperti perbelanjaan awam dan swasta ke atas R&D, bilangan permohonan paten oleh residen dan bukan residen serta bilangan penerbitan dalam jurnal sains dan teknologi menunjukkan tahap inovasi di negara

ini. Dalam tempoh 2008 hingga 2017, perbelanjaan awam dan swasta ke atas R&D dan bilangan penerbitan dalam jurnal sains dan teknologi menunjukkan trend peningkatan. Sementara itu, trend bagi bilangan paten berdaftar juga meningkat tetapi berkurangan selepas 2015.


Rajah 1.1.3. Penunjuk Inovasi di Malaysia 2008–2017



Pendidikan

Teori pertumbuhan endogen menyatakan bahawa pelaburan dalam modal insan terutamanya pendidikan merupakan antara penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Subsektor pendidikan menerima agihan tertinggi iaitu 20.4% daripada keseluruhan peruntukan pada 2019. Peruntukan ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan modal insan. Penunjuk seperti perbelanjaan pendidikan, skor PISA,¹ kadar enrolmen sekolah menengah, dan peratusan penduduk berpendidikan tertiar sering digunakan untuk menggambarkan pembangunan modal insan. Secara keseluruhan, semua penunjuk memaparkan trend meningkat dalam tempoh yang panjang.

Rajah 1.1.4. Penunjuk Pendidikan di Malaysia 2008–2017



Kecekapan Pasaran

Kecekapan pasaran menggambarkan peruntukan sumber yang optimum merentasi sektor dan firma. Kerajaan komited melaksanakan pembaharuan pasaran kerana langkah ini dapat menyusun semula institusi dan membetulkan amalan salah urus untuk menambah baik ketelusan dan akauntabiliti. Pembaharuan ini akan meningkatkan keyakinan peniaga dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Penunjuk yang sering digunakan untuk mengukur kecekapan pasaran ialah Indeks Pembangunan Kewangan,² Indeks Menjalankan Perniagaan Bank Dunia³ dan kadar


¹ Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa.

² Indeks Pembangunan Kewangan merumuskan tahap pembangunan institusi kewangan dan pasaran kewangan daripada segi kedalaman, akses dan kecekapan (IMF).

³ Indeks Menjalankan Perniagaan Bank Dunia memaparkan penunjuk kuantitatif mengenai peraturan perniagaan dan perlindungan hak harta benda.

penyertaan tenaga buruh wanita.⁴ Secara umumnya, penunjuk tersebut meningkat dalam tempoh 2008 hingga 2017 dengan sedikit gangguan pada Indeks Pembangunan Kewangan dalam tempoh 2015 hingga 2016 berikutan aktiviti pasaran saham yang perlahan.

Rajah 1.1.5. Penunjuk Kecekapan Pasaran di Malaysia 2008–2017




Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Infrastruktur Fizikal

Infrastruktur fizikal merupakan elemen penting dalam pembangunan negara. Peningkatan kesalinghubungan melalui penggunaan lebuh raya dan landasan kereta api dapat mengurangkan masa perjalanan, meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup. Di samping itu, kecekapan infrastruktur fizikal juga boleh dinilai melalui liputan dan kualiti infrastruktur fizikal. Beberapa proksi yang sering digunakan untuk mengukur infrastruktur fizikal ialah langganan telefon tetap dan mudah alih, panjang jalan berturap serta penjanaan elektrik. Penunjuk berkenaan memaparkan peningkatan trend dengan beberapa variasi bagi langganan telefon tetap dan mudah alih.

Rajah 1.1.6. Penunjuk Infrastruktur Fizikal di Malaysia 2008–2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Dunia.


Infrastruktur Institusi

Infrastruktur institusi merujuk kepada peranan Kerajaan untuk menentukan penggunaan sumber yang efisien dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti bagi memastikan kecekapan dan pertumbuhan ekonomi yang optimum dalam jangka masa panjang. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan termasuk penambahbaikan proses pilihan raya dan struktur Suruhanjaya Pilihan Raya. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 sebagai antara inisiatif untuk memerangi rasuah. *Worldwide Governance Indicators (WGI)* Bank Dunia merupakan proksi bagi infrastruktur institusi. WGI terdiri daripada enam penunjuk iaitu kebebasan bersuara dan akauntabiliti, kawalan rasuah,

⁴ Barro (2001) mendapati bahawa penyertaan pekerja wanita dalam pasaran buruh berpotensi untuk meningkatkan TFP.

keberkesanan kerajaan, kestabilan politik dan ketiadaan keganasan, kualiti perundangan dan kedaulatan undang-undang. Dalam tempoh jangka panjang, semua penunjuk memaparkan peningkatan tetapi merekodkan trend sebaliknya sejak 2015.

**Rajah 1.1.7. Penunjuk Infrastruktur Institusi di Malaysia
2008–2017**



Sumber: Bank Dunia.

Analisis

Artikel ini menganggar kekuatan hubungan antara TFP dan penentunya dengan menggunakan kaedah *Dominance Analysis*.⁵ Indeks telah dirangka untuk mewakili lima penentu TFP dengan menggabungkan penunjuk yang relevan berdasarkan kesan interaksi.⁶ Hasil analisis menunjukkan bahawa penyumbang utama kepada varians dalam pertumbuhan TFP merupakan inovasi, diikuti oleh kecekapan pasaran, pendidikan, infrastruktur fizikal dan infrastruktur institusi. Penemuan ini selaras dengan usaha Kerajaan dalam menggalakkan inovasi, mempromosikan kecekapan pasaran, mengukuhkan sistem pendidikan negara, menambah baik infrastruktur serta meningkatkan kecekapan institusi dan ketelusan.

Jadual 1.1.1. Sumbangan Setiap Penentu TFP di Malaysia

Penentu	Sumbangan ⁷
Inovasi	0.2934
Kecekapan Pasaran	0.2591
Pendidikan	0.2333
Infrastruktur Fizikal	0.2016
Infrastruktur Institusi	0.0126

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Kesimpulan

Faktor Produktiviti Keseluruhan merupakan faktor penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa inovasi mempunyai kesan tertinggi terhadap TFP diikuti oleh kecekapan pasaran, pendidikan, infrastruktur fizikal dan infrastruktur institusi. Justeru, Kerajaan akan terus merangka dan melaksanakan dasar yang sesuai mengikut keutamaan tersebut untuk meningkatkan lagi pertumbuhan TFP Malaysia demi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

⁵ *Dominance Analysis* merupakan satu kaedah yang digunakan untuk membandingkan kepentingan penganggar secara relatif dalam regresi berganda (Azen & Budescu, 2006).

⁶ Kesan interaksi merupakan kesan serentak hasil daripada kesan pendaraban dua atau lebih pemboleh ubah bebas ke atas sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bersandar yang memberi kesan lebih besar (atau kurang) secara signifikan berbanding kesan penambahan nilai pemboleh ubah bebas (Lavrakas, 2008).

⁷ Penguraian nilai sumbangan setiap penentu adalah sumbangan varians kepada pertumbuhan TFP. Apabila nilai semua varians penentu tersebut dicampurkan, nilainya adalah bersamaan dengan satu (*unity*).

Prestasi Logistik

Sebagai sebuah negara perdagangan, kecekapan industri pengangkutan dan logistik sangat penting dalam aspirasi Malaysia untuk meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi melalui kesalinghubungan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, prestasi Malaysia dalam industri logistik telah merosot seperti yang ditunjukkan dalam Logistic Performance Index (LPI) (Bank Dunia, 2018). Menurut LPI, Malaysia jatuh ke tangga ke-41 pada 2018 dari tangga ke-32 pada 2016. Faktor utama yang menyebabkan penurunan ini termasuk pelepasan kastam yang tidak efisien, kualiti infrastruktur berkaitan perdagangan dan pengangkutan yang kurang baik serta kemampuan yang rendah dalam menjejak dan mengesan konsainan. Sebaliknya, negara serantau seperti Thailand dan Viet Nam bertambah baik dengan kedudukan meningkat ke tangga ke-32 dan ke-39 pada 2018 dari tangga ke-45 dan ke-64 pada 2016.

Industri E&E

Pada 2018, E&E kekal sebagai antara industri utama dalam ekonomi dengan sumbangan sebanyak 28.3% kepada sektor pembuatan serta menggaji lebih 550,000 guna tenaga. Industri ini juga merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport sebanyak RM381.5 bilion atau 38% daripada keseluruhan eksport. Peningkatan kos menjalankan perniagaan pada masa kini menjadi antara isu yang dihadapi oleh industri ini. Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil untuk meminimumkan dan mempermudah prosedur, namun kerenah birokrasi di pelbagai peringkat Kerajaan masih menjadi isu utama. Faktor tersebut mempengaruhi syarikat dalam membuat keputusan pelaburan dan pengembangan perniagaan. Kebimbangan lain dalam industri ini termasuk gangguan kepada model perniagaan berikutan perubahan pesat teknologi di samping ekosistem serta rangka kerja kawal selia yang tidak menggalakkan.

Akses kepada Pembiayaan

Sekitar 98.5% daripada pertumbuhan perniagaan berdaftar di Malaysia terdiri daripada PKS yang merangkumi 37.1% daripada KDNK dan

66% daripada jumlah guna tenaga (SME Corp., 2018). Walau bagaimanapun, akses kepada pembiayaan kekal sebagai satu cabaran bagi PKS dan syarikat baru mula. Perkara ini terutamanya disebabkan oleh aliran tunai yang tidak mencukupi bagi memenuhi obligasi pembayaran balik, proses permohonan yang kompleks, cagaran dan dokumentasi yang tidak mencukupi serta risiko tinggi dalam penerokaan perniagaan. Lebih daripada 70% keperluan pembiayaan PKS menggunakan sumber dalaman atau simpanan peribadi dan hanya sekitar 30% diperoleh daripada bank serta institusi kewangan pembangunan dan pinjaman mikro. Pada asasnya, pertumbuhan dan perkembangan PKS sangat bergantung kepada keupayaan untuk mendapatkan pembiayaan bagi tujuan operasi dan pengembangan perniagaan.

Inisiatif Strategik – Belanjawan 2020

Pertumbuhan global dijangka meningkat secara marginal daripada 3.2% pada 2019 kepada 3.5% pada 2020. Meskipun prestasi ekonomi dijangka bertambah baik, namun terdapat risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang berlarutan, ketidaktentuan dasar dan tekanan disinflasi. Berdasarkan keadaan ini, inisiatif strategik pada 2020 memberi fokus untuk mengurangkan impak risiko luaran terhadap ekonomi domestik. Bagi mencapai matlamat ini, Belanjawan 2020 akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang termasuk peluang ekonomi, modal insan, inklusiviti serta institusi dan kewangan awam.

Kerajaan komited untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi menarik untuk industri berteknologi dan bernilai ditambah tinggi. Belanjawan ini mencadangkan beberapa langkah untuk memangkin pertumbuhan ekonomi melalui kerjasama awam swasta (PPP) yang lebih baik, akses pembiayaan PKS yang lebih meluas dan memberi galakan bagi meningkatkan penerapan IR 4.0. Sektor perniagaan dijangka mendapat manfaat daripada usaha Kerajaan memudah cara perniagaan dan mengambil peluang dalam bidang keutamaan baharu termasuk pertumbuhan hijau.

Rencana 1.2

Perubahan Struktur dalam Ekonomi Malaysia: Analisis Input-Output

Pengenalan

Selepas merdeka, Malaysia telah berkembang daripada sebuah ekonomi yang berpendapatan rendah kepada berpendapatan sederhana tinggi selepas berjaya melaksanakan pelbagai model pertumbuhan sehingga sekarang. Semasa tempoh awal pasca kemerdekaan, ekonomi sangat bergantung kepada komoditi utama dengan pertanian menjadi sektor terbesar. Kerajaan memulakan fasa perindustrian pada awal 1970-an untuk mengurangkan kebergantungan terhadap komoditi dan mempelbagaikan ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan penjanaan kekayaan. Usaha bersepadu telah diambil untuk mempromosi dan mempercepat pengembangan sektor pembuatan. Langkah ini menandakan peralihan struktur daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada pembuatan.

Ekonomi terus ditransformasikan daripada pembuatan berintensifkan pemasangan kepada pembuatan bersepadu dan berkaitan perkhidmatan dengan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996 – 2005 (IMP2). Pelancaran Pelan Induk Perindustrian Ketiga 2006 – 2020 (IMP3) menetapkan hala tuju evolusi ekonomi kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi dengan dipacu oleh teknologi. Malaysia perlu terus merangka semula strategi pertumbuhan dengan mengambil kira pembangunan industri ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Artikel ini bertujuan mengetengahkan kajian mengenai perubahan struktur ekonomi Malaysia dari segi output, nilai ditambah, cukai dan subsidi berdasarkan jadual input-output¹.

Perubahan Struktur dalam Ekonomi

Jadual input-output menyediakan maklumat komprehensif mengenai struktur ekonomi terutamanya mengenai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh industri yang berbeza. Pada masa yang sama, jadual ini menyediakan maklumat mengenai barangan dan perkhidmatan yang digunakan sebagai penggunaan perantaraan oleh industri, penggunaan akhir dan eksport. Perbandingan jadual input-output bagi tahun berbeza memberikan maklumat tentang perubahan struktur dalam ekonomi.

Output

Nilai output kasar yang dijana oleh ekonomi meningkat daripada RM1.6 trilion pada 2005 kepada RM2.1 trilion pada 2010 dan seterusnya kepada RM2.8 trilion pada 2015 dengan pertumbuhan² 5.3% dan 5.9%. Pada 2005, sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada output nasional yang menghasilkan 56.1% daripada jumlah output kasar diikuti sektor perkhidmatan (30.4%) dan perlombongan (5.9%). Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan mengalami kadar pertumbuhan lebih cepat sebanyak 11.6% setahun dengan komposisi bahagian bertambah daripada 30.4% pada 2005 kepada 40.7% pada 2010 selaras dengan fokus berterusan Kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Sebaliknya, bahagian output pembuatan merosot daripada 56.1% kepada 43.6% dengan pertumbuhan secara marginal 0.1% dalam tempoh tersebut. Bahagian sektor pembinaan pula meningkat daripada 3.8% kepada 4.4% manakala pertanian, perikanan dan perhutanan berkembang daripada 3.7% kepada 6.1%. Sementara itu, bahagian sektor perlombongan dan pengkuarian menyederhana daripada 5.9% kepada 5.2%.

¹ Jadual Input-Output 2005, 2010 dan 2015.

² Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (CAGR).

Pembuatan kekal sebagai sektor terbesar dengan pertumbuhan 5.2% walaupun bahagian berkurang daripada 43.6% pada 2010 kepada 42.2% pada 2015. Sebaliknya, bahagian sektor perkhidmatan meningkat kepada 41.8% daripada 40.7% dengan pertumbuhan 6.5% dalam tempoh yang sama. Sektor pembinaan pula berkembang 14.7% dengan bahagian meningkat daripada 4.4% kepada 6.6%. Walaupun bahagian pertanian, perikanan dan perhutanan serta perlombongan dan pengkuarian berkurang kepada 4.8% dan 4.7%, namun pertumbuhan meningkat kepada 0.8% dan 3.9%.

Jadual 1.2.1. Output mengikut Sektor 2005, 2010 dan 2015

Sektor	2005		2010		CAGR (2005 - 2010) (%)	2015		CAGR (2010 - 2015) (%)
	Output (RM juta)	Bahagian (%)	Output (RM juta)	Bahagian (%)		Output (RM juta)	Bahagian (%)	
Pembuatan	899,165	56.1	905,133	43.6	0.1	1,164,768	42.2	5.2
Perlombongan dan Pengkuarian	95,410	5.9	107,549	5.2	2.4	130,226	4.7	3.9
Pembinaan	61,070	3.8	91,362	4.4	8.4	181,342	6.6	14.7
Pertanian, Perikanan dan Perhutanan	60,000	3.7	126,651	6.1	16.1	131,600	4.8	0.8
Perkhidmatan	488,262	30.4	843,476	40.7	11.6	1,154,495	41.8	6.5
Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	119,451	7.4	165,051	8.0	6.7	229,013	8.3	6.8
Perkhidmatan Kerajaan	79,327	4.9	111,936	5.4	7.1	175,616	6.4	9.4
Perdagangan Borong dan Runcit	77,493	4.8	199,972	9.6	20.9	302,031	10.9	8.6
Kewangan dan Insurans	74,330	4.6	145,528	7.0	14.4	120,404	4.4	-3.7
Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	43,055	2.7	87,844	4.2	15.3	124,121	4.5	7.2
Utiliti	35,149	2.2	47,319	2.3	6.1	64,846	2.3	6.5
Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman	31,847	2.0	38,145	1.8	3.7	58,317	2.1	8.9
Penginapan dan Makanan & Minuman	27,610	1.7	47,681	2.3	11.5	80,148	2.9	10.9
Jumlah Output	1,603,907	100.0	2,074,171	100.0	5.3	2,762,431	100.0	5.9

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Nilai Ditambah mengikut Sektor

Sebagai tambahan kepada analisis output, analisis nilai ditambah turut membantu menentukan sektor yang memacu ekonomi. Nilai ditambah adalah perbezaan antara jumlah output dan kos pengeluaran. Sehubungan itu, pengukuran nilai ditambah memberikan analisis lebih tepat mengenai sumbangan sektor ekonomi tertentu berbanding analisis output.

Jumlah nilai ditambah dalam ekonomi meningkat daripada RM509.3 bilion pada 2005 kepada RM805.2 bilion pada 2010 dan terus meningkat kepada RM1.1 trilion pada 2015 dengan pertumbuhan 9.6% dan 7%. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar iaitu 45.7% pada 2005 dan meningkat kepada 52.9% pada 2010. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan pesat sebanyak 12.9% setahun terutamanya didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit (16.2%), perkhidmatan kerajaan (15.8%) dan perkhidmatan perniagaan & persendirian (15.6%). Sementara itu, nilai ditambah sektor pembuatan hanya berkembang 4.1% setahun dengan komposisi bahagian menyusut daripada 29.8% pada 2005 kepada 23% pada 2010. Dalam tempoh tersebut, sektor pertanian, perikanan dan perhutanan mengatasi prestasi sektor lain dengan pertumbuhan 16.3% dan komposisi bahagian meningkat daripada 7.1% pada 2005 kepada 9.6% pada 2010. Pada masa yang sama, sektor perlombongan dan pengkuarian berkembang 4% setahun dan komposisi bahagian berkurang daripada 14.4% kepada 11.1%.

Jadual 1.2.2. Nilai Ditambah mengikut Sektor 2005, 2010 dan 2015

Sektor	2005		2010		CAGR (2005 - 2010) (%)	2015		CAGR (2010 - 2015) (%)
	Nilai Ditambah (RM juta)	Bahagian (%)	Nilai Ditambah (RM juta)	Bahagian (%)		Nilai Ditambah (RM juta)	Bahagian (%)	
Pembuatan	151,544	29.8	184,881	23.0	4.1	247,195	21.9	6.0
Perlombongan dan Pengkuarian	73,224	14.4	89,211	11.1	4.0	102,218	9.1	2.8
Pertanian, Perikanan dan Perhutanan	36,156	7.1	77,038	9.6	16.3	97,462	8.6	4.8
Pembinaan	15,810	3.1	27,996	3.5	12.1	52,836	4.7	13.5
Perkhidmatan	232,537	45.7	426,035	52.9	12.9	628,422	55.7	8.1
Perdagangan Borong dan Runcit	53,172	10.4	112,409	14.0	16.2	179,602	15.9	9.8
Perkhidmatan Kerajaan	33,823	6.6	70,496	8.8	15.8	99,483	8.8	7.1
Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	22,042	4.3	45,601	5.7	15.6	63,228	5.6	6.8
Kewangan dan Insurans	37,820	7.4	73,827	9.2	14.3	75,571	6.7	0.5
Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	40,585	8.0	58,011	7.2	7.4	101,273	9.0	11.8
Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman	20,439	4.0	24,339	3.0	3.6	43,401	3.8	12.3
Utiliti	13,865	2.7	21,716	2.7	9.4	31,688	2.8	7.9
Penginapan dan Makanan & Minuman	10,791	2.1	19,636	2.4	12.7	34,176	3.0	11.7
Jumlah Nilai Ditambah	509,272	100.0	805,163	100.0	9.6	1,128,133	100.0	7.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sektor perkhidmatan terus berkembang stabil sebanyak 8.1% pada 2015 dengan bahagian berkembang kepada 55.7% daripada 52.9% pada 2010. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan berkembang 6% dengan bahagian menyusut kepada 21.9% daripada 23% dalam tempoh yang sama. Sektor perlombongan dan pengkuarian meningkat 2.8% pada 2015 manakala pertanian, perikanan dan perhutanan meningkat 4.8%. Walau bagaimanapun, komposisi bahagian sektor perlombongan dan pengkuarian berkurang daripada 11.1% kepada 9.1% dan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan berkurang daripada 9.6% kepada 8.6%. Pada masa yang sama, sektor pembinaan berkembang 13.5% dengan bahagian meningkat daripada 3.5% kepada 4.7%.

Nilai Ditambah mengikut Industri

Dari aspek nilai ditambah mengikut industri, minyak mentah dan gas asli menyumbang sebanyak 14% diikuti oleh perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (10.4%) serta komputer, peranti, mesin dan peralatan pejabat (4.6%) daripada jumlah nilai ditambah RM509.3 bilion pada 2005. Sepuluh industri teratas yang lain ialah perantaraan kewangan (3.8%), telekomunikasi (3.3%), komponen dan papan elektronik (3.1%), pendidikan (2.8%), insurans/takaful dan tabungan pencen (2.8%), kelapa sawit (2.7%) dan pemilikan kediaman (2.1%). Industri tersebut menyumbang RM252.6 bilion atau 49.6% daripada nilai ditambah.

Jadual 1.2.3. Nilai Ditambah mengikut Industri 2005, 2010 dan 2015

Industri	2005			2010				2015			
	Nilai Ditambah (RM juta)	Kedudukan	Bahagian (%)	Nilai Ditambah (RM juta)	Kedudukan	CAGR (2005 - 2010) (%)	Bahagian (%)	Nilai Ditambah (RM juta)	Kedudukan	CAGR (2010 - 2015) (%)	Bahagian (%)
Minyak Mentah dan Gas Asli	71,472	1	14.0	82,351	2	2.9	10.2	98,121	2	3.6	8.7
Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	53,172	2	10.4	112,409	1	16.2	14.0	179,602	1	9.8	15.9
Komputer, Peranti, Mesin dan Kelengkapan Pejabat	23,239	3	4.6	6,781	29	-21.8	0.8	5,762	42	-3.2	0.5
Perantaraan Kewangan	19,537	4	3.8	34,136	4	11.8	4.2	44,834	3	5.6	4.0
Telekomunikasi	17,024	5	3.3	18,403	10	1.6	2.3	36,876	6	14.9	3.3
Komponen dan Papan Elektronik	15,810	6	3.1	21,485	9	6.3	2.7	28,701	9	6.0	2.5
Pendidikan	14,094	7	2.8	28,392	7	15.0	3.5	44,560	4	9.4	3.9
Insurans/ Takaful dan Tabungan Pencen	14,069	8	2.8	17,058	11	3.9	2.1	14,626	21	-3.0	1.3
Kelapa Sawit	13,631	9	2.7	45,493	3	27.3	5.7	38,164	5	-3.5	3.4
Pemilikan Kediaman	10,508	10	2.1	16,034	12	8.8	2.0	26,099	11	10.2	2.3
Pentadbiran Awam	9,270	15	1.8	29,078	5	25.7	3.6	34,313	7	3.4	3.0
Peralatan Komunikasi dan Elektronik Pengguna	1,729	57	0.3	28,762	6	75.5	3.6	17,267	16	-9.7	1.5
Kok dan Produk Petroleum Bertapis	4,753	27	0.9	22,727	8	36.7	2.8	32,678	8	7.5	2.9
Makanan dan Minuman	6,351	23	1.2	15,202	14	19.1	1.9	26,755	10	12.0	2.4
Jumlah Nilai Ditambah (10 industri teratas)	252,556		49.6	423,236		10.7	52.6	564,604		6.1	50.0
Jumlah Nilai Ditambah Semua Industri	509,272		100.0	805,163		9.6	100.0	1,128,133		7.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada 2010, industri perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal muncul sebagai pemacu baharu ekonomi dan berkembang 16.2% dengan bahagian 14% daripada jumlah nilai ditambah. Sepuluh industri teratas lain ialah minyak mentah dan gas asli (2.9%; 10.2%); kelapa sawit (27.3%; 5.7%); perantaraan kewangan (11.8%; 4.2%); pendidikan (15%; 3.5%); komponen dan papan elektronik (6.3%; 2.7%); dan telekomunikasi (1.6%; 2.3%). Sementara itu, pentadbiran awam yang merupakan industri baharu dalam sepuluh industri utama pada 2010 meningkat daripada kedudukan ke-15 kepada kelima. Industri ini mencatat pertumbuhan 25.7% dengan bahagian 3.6%. Industri lain yang menunjukkan prestasi baik dari segi nilai ditambah ialah peralatan komunikasi dan elektronik pengguna (75.5%; 3.6%) diikuti oleh kok dan produk petroleum bertapis (36.7%; 2.8%). Pada 2010, sepuluh industri teratas

menyumbang 52.6% daripada nilai ditambah dan berkembang pada kadar 10.7% setahun. Walau bagaimanapun, industri komputer, peranti, mesin dan kelengkapan pejabat yang merupakan antara sepuluh industri teratas pada 2005 mencatat pertumbuhan negatif 21.8% pada 2010 dan berada pada kedudukan ke-29.

Industri perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi pada 2015 meningkat 9.8% dengan bahagian 15.9% daripada jumlah nilai ditambah diikuti oleh minyak mentah dan gas asli (3.6%; 8.7%). Sepuluh industri lain mencatatkan prestasi positif termasuk perantara kewangan (5.6%; 4%); pendidikan (9.4%; 3.9%); telekomunikasi (14.9%; 3.3%); pentadbiran awam (3.4%; 3%); kok dan produk petroleum bertapis (7.5%; 2.9%); komponen dan papan elektronik (6%; 2.5%); serta makanan dan minuman (12%; 2.4%). Sebaliknya, kelapa sawit yang merupakan antara sepuluh industri teratas pada 2010 merosot 3.5% dari segi pertumbuhan dan bahagian berkurang 3.4% diikuti oleh peralatan komunikasi dan elektronik pengguna (-9.7%; 1.5%).

Kutipan Cukai

Jumlah kutipan cukai pada 2005 yang bernilai RM29.9 bilion terus meningkat kepada RM32.6 bilion pada 2010 dan RM52.9 bilion pada 2015. Komoditi kenderaan bermotor, treler dan semi-treler mencatat kutipan cukai tertinggi pada 2005 bernilai RM10.4 bilion atau 34.7% daripada jumlah cukai. Seterusnya diikuti oleh kesenian, hiburan & rekreasi (RM7.5 bilion; 25%); produk tembakau (RM2.6 bilion; 8.8%); kok dan produk petroleum bertapis (RM1.5 bilion; 5.1%); perkhidmatan swasta lain (RM1.4 bilion; 4.5%); spirit, wain dan minuman keras (RM1.3 bilion; 4.4%); minyak mentah dan gas asli (RM871.9 juta; 2.9%); perkhidmatan awam (RM771.7 juta; 2.6%); senjata, peluru dan mesin bertujuan khas (RM487.2 juta; 1.6%); dan alatan pendawaian, kelengkapan pencahayaan elektrik dan elektrik lain (RM269.7 juta; 0.9%). Sepuluh komoditi teratas menyumbang 90.5% daripada jumlah cukai yang dikutip pada 2005.

Jadual 1.2.4. Cukai mengikut Komoditi 2005, 2010 dan 2015

Komoditi	2005			2010				2015			
	Cukai (RM '000)	Kedudukan	Bahagian (%)	Cukai (RM '000)	Kedudukan	CAGR (2005 - 2010) (%)	Bahagian (%)	Cukai (RM '000)	Kedudukan	CAGR (2010 - 2015) (%)	Bahagian (%)
Kenderaan Bermotor, Treler dan Semi Treler	10,386,674	1	34.7	11,626,024	1	2.3	35.6	13,160,869	1	2.5	24.9
Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	7,487,775	2	25.0	77,757	34	-59.9	0.2	125,104	57	10.0	0.2
Produk Tembakau	2,620,918	3	8.8	3,171,232	3	3.9	9.7	5,170,116	2	10.3	9.8
Kok dan Produk Petroleum Bertapis	1,513,383	4	5.1	5,379,850	2	28.9	16.5	3,807,480	3	-6.7	7.2
Perkhidmatan Swasta Lain	1,360,142	5	4.5	16,188	48	-58.8	0.05	158,677	53	57.9	0.3
Spirit, Wain dan Minuman Keras	1,302,637	6	4.4	1,441,159	5	2.0	4.4	2,734,805	4	13.7	5.2
Minyak Mentah dan Gas Asli	871,873	7	2.9	-	-	-	-	1,810,983	6	-	3.4
Pentadbiran Awam	771,717	8	2.6	-	-	-	-	-	-	-	-
Senjata, Peluru dan Mesin bertujuan Khas	487,220	9	1.6	793,798	9	10.3	2.4	428,551	21	-11.6	0.8
Alatan Pendawaian, Kelengkapan Pencahayaan Elektrik dan Elektrik Lain	269,686	10	0.9	-	-	-	-	27,382	89	-	0.1
Telekomunikasi	2,326	43	0.0	1,931,808	4	283.6	5.9	1,434,360	7	-5.8	2.7
Perhutanan dan Pembalakan	27,221	32	0.1	1,212,111	6	113.7	3.7	115,807	60	-37.5	0.2
Penginapan	-	-	-	853,508	7	-	2.6	1,131,767	9	5.8	2.1
Profesional	-	-	-	800,023	8	-	2.5	2,502,372	5	25.6	4.7
Perkhidmatan Kewangan Lain	15,382	37	0.1	351,174	10	86.9	1.1	387,912	26	2.0	0.7

(sambungan)

Jadual 1.2.4. Cukai mengikut Komoditi 2005, 2010 dan 2015 (sambungan)

Komoditi	2005			2010				2015			
	Cukai (RM '000)	Kedudukan	Bahagian (%)	Cukai (RM '000)	Kedudukan	CAGR (2005 - 2010) (%)	Bahagian (%)	Cukai (RM '000)	Kedudukan	CAGR (2010 - 2015) (%)	Bahagian (%)
Jentera Kegunaan Umum Lain	55	55	0.0	-	-	-	-	1,251,504	8	-	2.4
Insurans/ Takaful dan Tabungan Pencen	-	-	-	333,855	13	-	1.0	1,037,296	10	25.4	2.0
Jumlah Cukai (10 komoditi teratas)	27,072,026		90.5	27,560,687		0.3	84.5	34,041,552		4.3	64.3
Jumlah Cukai Semua Komoditi	29,923,882		100.0	32,612,514		1.7	100.0	52,904,089		10.2	100.0
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran. Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.											

Pada 2010, cukai ke atas kenderaan, treler dan semi treler kekal sebagai penyumbang terbesar dengan pertumbuhan 2.3% dengan bahagian 35.6%. Sepuluh komoditi teratas lain ialah kok dan produk petroleum bertapis (28.9%; 16.5%); produk tembakau (3.9%; 9.7%); spirit, wain dan minuman keras (2%; 4.4%); perhutanan dan pembalakan (113.7%; 3.7%); serta senjata, peluru dan mesin bertujuan khas (10.3%; 2.4%). Komoditi telekomunikasi, penginapan, profesional dan perkhidmatan kewangan lain menyumbang RM3.9 bilion atau 12.1% daripada jumlah cukai yang dikutip berikutan penambahbaikan dan pengelasan semula jadual input-output 2010. Sepuluh komoditi teratas ini menyumbang RM27.6 bilion atau 84.5% daripada jumlah cukai. Selain daripada pengelasan semula, dasar Kerajaan untuk mempromosikan kesenian, hiburan dan rekreasi turut menyebabkan penurunan ketara dalam kutipan cukai daripada RM7.5 bilion pada 2005 (25%) kepada RM0.08 bilion (0.2%) pada 2010.

Kenderaan bermotor, treler dan semi-treler terus menjadi penyumbang utama kutipan cukai pada 2015 dengan pertumbuhan sebanyak 2.5% dan bahagian 24.9%; diikuti oleh produk tembakau (10.3%; 9.8%). Komoditi lain yang menyumbang kepada kutipan cukai termasuk spirit, wain dan minuman keras (13.7%; 5.2%); profesional (25.6%; 4.7%); penginapan (5.8%; 2.1%); serta minyak mentah dan gas asli dengan bahagian 3.4%; jentera untuk tujuan umum lain (2.4%); serta insurans/takaful dan tabungan pencen (2%). Sementara itu, komoditi kok dan produk petroleum bertapis dan telekomunikasi yang berada pada kedudukan kedua dan keempat pada 2010 merosot ke kedudukan ketiga dan ketujuh pada 2015. Walau bagaimanapun, komoditi perhutanan dan pembalakan yang disenaraikan dalam kalangan sepuluh industri teratas pada 2010 jatuh ke kedudukan ke-60 dengan pertumbuhan merosot sebanyak 37.5% dan bahagian berkurang kepada 0.2%.

Subsidi

Kerajaan menyediakan subsidi untuk enam komoditi iaitu kok dan produk petroleum bertapis; minyak & lemak sayuran dan haiwan (minyak masak); manisan (gula); produk bijian, kanji dan produk berkanji (tepung gandum); padi; serta baja dan sebatian nitrogen. Pada 2005, kok dan produk petroleum bertapis menerima jumlah terbesar iaitu RM11 bilion atau 94.6% daripada jumlah subsidi RM11.6 bilion diikuti oleh padi (RM448 juta; 3.9%); serta baja & sebatian nitrogen (RM178 juta; 1.5%). Pada 2010, jumlah subsidi meningkat kepada RM12.4 bilion dengan kok dan produk petroleum bertapis kekal sebagai penerima terbesar berjumlah RM9.6 bilion atau 77.7% daripada jumlah subsidi. Komoditi minyak & lemak sayuran dan haiwan menerima subsidi sebanyak RM828 juta atau 6.7%; manisan (RM708.5 juta; 5.7%); padi (RM444.6 juta; 3.6%); baja dan sebatian nitrogen (RM397.4 juta; 3.2%); serta produk bijian, kanji dan produk berkanji (RM375.9 juta; 3%).

Selaras dengan dasar rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan pada 2013, subsidi untuk semua produk dikurangkan pada 2015 kecuali minyak & lemak sayuran dan haiwan (RM949.4 juta; 16.5%); produk bijian, kanji dan produk berkanji (RM687.2 juta; 11.9%); dan padi (RM565.3 juta; 9.8%). Walau bagaimanapun, subsidi bagi kok dan produk petroleum bertapis menyusut kepada RM3.2 bilion berikutan daripada kejatuhan harga minyak dunia bermula pada 2014 manakala subsidi bagi baja dan sebatian nitrogen menyusut kepada RM388.7 juta. Subsidi untuk manisan (gula) telah dihentikan pada 2014 untuk menggalakkan pemakanan yang lebih sihat bagi rakyat.

Jadual 1.2.5. Subsidi mengikut Komoditi 2005, 2010 dan 2015

Komoditi	2005		2010		CAGR (2005 - 2010) (%)	2015		CAGR (2010 - 2015) (%)
	Subsidi (RM juta)	Bahagian (%)	Subsidi (RM juta)	Bahagian (%)		Subsidi (RM juta)	Bahagian (%)	
Kok dan Produk Petroleum Bertapis	10,984	94.6	9,605.1	77.7	-2.6	3,175	55.1	-19.9
Minyak & Lemak Sayuran dan Haiwan	-	-	828	6.7	-	949.4	16.5	2.8
Manisan	-	-	708.5	5.7	-	-	-	-
Padi	448	3.9	444.6	3.6	-0.2	565.3	9.8	4.9
Produk Bijian, Kanji dan Produk Berkanji	-	-	375.9	3.0	-	687.2	11.9	12.8
Baja dan Sebatian Nitrogen	178	1.5	397.4	3.2	17.4	388.7	6.7	-0.4
Jumlah Subsidi	11,610	100.0	12,359.6	100.0	1.3	5,765.6	100.0	-14.1

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini menganalisis perubahan struktur dalam ekonomi berdasarkan output, nilai ditambah, cukai dan subsidi. Dapatan kajian menunjukkan pembuatan merupakan sektor ekonomi terbesar pada 2005. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan muncul sebagai penyumbang penting kepada ekonomi pada 2010 dan 2015. Dari segi nilai ditambah, minyak mentah dan gas asli merupakan industri utama pada 2005 manakala pada 2010 perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal mengatasi minyak mentah dan gas asli sebagai industri utama dengan trend berterusan pada 2015.

Dari segi kutipan cukai, kenderaan bermotor, treler dan semi treler kekal sebagai penyumbang terbesar sepanjang tempoh 2005 hingga 2015. Cukai dari produk tembakau dan spirit, wain dan minuman keras terus meningkat sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, cukai bagi kesenian, hiburan dan rekreasi berkurang dengan ketara untuk menggalakkan pembangunan industri.

Dari segi subsidi, jumlah subsidi Kerajaan telah dikurangkan selaras dengan dasar rasionalisasi subsidi. Walau bagaimanapun, komoditi kok dan produk petroleum bertapis terus mendapat subsidi tertinggi walaupun pada kadar yang semakin berkurang. Sementara itu, subsidi bagi komoditi lain disediakan secara bersasar bagi memenuhi objektif pembangunan dan sosial.

Keusahawanan memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang ekonomi. Kerajaan telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 pada Julai 2019 dalam usaha untuk membentuk Malaysia sebagai negara keusahawanan. Selaras dengan matlamat ini, beberapa strategi akan dirangka untuk mewujudkan suasana yang membolehkan sektor awam, sektor swasta, profesional dan rakyat berkolaborasi dengan berkesan. Di samping itu, Belanjawan 2020 akan memperkenalkan inisiatif bagi menambah baik dan memperkemas peraturan pentadbiran, prosedur dan sistem serta penyampaian perkhidmatan awam untuk menyokong keusahawanan.

Usaha juga akan dipergiat untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui pelbagai inisiatif

termasuk peningkatan produktiviti dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan terutamanya latihan semula dan peningkatan kemahiran. Selaras dengan kepentingan pendidikan dalam mempersiapkan generasi masa hadapan, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan rakyat Malaysia dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan industri. Dalam Belanjawan 2020, Kerajaan akan memperuntukkan dana termasuk menyediakan bantuan makanan dan wang tunai kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Di samping itu, kurikulum pendidikan tertiar akan ditambah baik manakala program latihan industri akan dikaji semula untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Rencana 1.3

Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti di Malaysia

Pengenalan

Produktiviti merupakan faktor penting yang meningkatkan daya saing ekonomi dan mempromosi pelaburan dalam sesebuah negara. Justeru, terdapat banyak negara menggalakkan firma menawarkan pakej saingan yang mengaitkan bayaran upah dengan prestasi sebagai ganjaran kepada peningkatan produktiviti pekerja. Pendekatan ini menghasilkan pengurusan upah secara progresif yang menawarkan situasi menang-menang kepada majikan dan pekerja serta negara secara umumnya. Pewujudan sistem upah yang lebih fleksibel dan kompetitif akan membolehkan pekerja menerima bayaran bonus lebih tinggi dan insentif lebih baik ketika keadaan ekonomi stabil. Semasa kelembapan ekonomi pula, syarikat berupaya untuk menguruskan kos perniagaan dan kekal berdaya maju melalui pelarasan gaji dengan cepat tanpa perlu mengambil langkah pengurangan kos secara drastik seperti pemberhentian pekerja. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem bayaran upah berdasarkan prestasi akan meningkatkan produktiviti serta menyelaraskan pertumbuhan upah dengan pertumbuhan produktiviti.

Kerajaan Malaysia telah memberi penekanan terhadap kepentingan sistem bayaran upah berdasarkan prestasi untuk meningkatkan daya saing dan kebajikan pekerja. Pada 1996, Kerajaan memperkenalkan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) dan merangka garis panduan baharu mengenai reformasi gaji untuk mewujudkan hubungan yang lebih selari di antara upah dengan produktiviti pekerja. Sejak itu, beberapa dasar telah diperkenalkan untuk terus menggalakkan sektor swasta menaikkan upah seiring dengan peningkatan produktiviti. Dasar tersebut digariskan dalam pelbagai dokumen polisi seperti Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, Pelan Induk Perindustrian Ketiga, pelan pembangunan lima tahun dan pengumuman belanjawan tahunan. Sementara itu, peruntukan undang-undang berkaitan PLWS telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Bank Dunia (2011) turut menyokong usaha sedemikian dan merumuskan bahawa firma yang mengamalkan PLWS dijangka memperoleh lebih banyak faedah dan akan membuat pelaburan dalam pelbagai aspek alat pengurusan yang berasaskan teknologi.

Bagaimanakah PLWS Berfungsi?

PLWS terdiri daripada komponen tetap dan komponen boleh ubah. Komponen tetap meliputi gaji pokok, kenaikan gaji tahunan dan bonus kontraktual manakala komponen boleh ubah adalah berdasarkan kepada produktiviti pekerja. Kedua-dua komponen tersebut dikategorikan kepada tiga model PLWS iaitu Model Berasaskan Produktiviti, Model Berasaskan Keuntungan dan Model Campuran. Elemen lain dalam komponen boleh ubah termasuk kadar per unit, insentif kedatangan, caj perkhidmatan dan elaun kemahiran.

Jadual 1.3.1. Model Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti

		Model Berasaskan Produktiviti	Model Berasaskan Keuntungan	Model Campuran
Komponen	Tetap	♦ Gaji pokok ♦ Kenaikan gaji tahunan ♦ Bonus kontraktual		♦ Model ini merupakan gabungan Model Berasaskan Produktiviti dan Model Berasaskan Keuntungan
	Boleh Ubah	♦ Insentif upah ♦ Kenaikan gaji tahunan ♦ Bayaran produktiviti yang berubah bergantung kepada prestasi pekerja dan syarikat	♦ Bayaran bonus berdasarkan kepada keuntungan syarikat ♦ Insentif upah yang akan dibayar apabila keuntungan yang diperoleh melebihi suatu tahap keuntungan yang ditetapkan	

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Adakah PLWS Efektif?

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan yang menunjukkan faedah pelaksanaan PLWS. Laporan APEC (2008) menyatakan bahawa usaha menghubungkan bayaran saraan dengan produktiviti dan prestasi penting dalam kalangan PKS kerana dapat mewujudkan situasi menang-menang kepada majikan dan pekerja. Impak pelaksanaan PLWS terhadap produktiviti dan prestasi adalah pelbagai merangkumi aspek tidak langsung seperti peningkatan motivasi dan moral pekerja serta aspek langsung seperti pengurangan kos.

Kajian Bank Dunia (2011) pula menunjukkan PLWS dilaksanakan secara agak meluas di seluruh negara. Kajian menganggarkan lebih kurang 80% daripada firma¹ mengaitkan bayaran pampasan dengan prestasi pekerja. Kajian juga mendapati kebanyakan firma yang melaksanakan PLWS merupakan firma yang mempunyai bilangan pekerja berpendidikan tertiar yang ramai dan firma bersaiz besar. Amalan meluas pembayaran upah berdasarkan prestasi tersebut turut disokong oleh penemuan kaji selidik tahunan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).² Hasil kajian ini mendapati lebih 80% daripada firma yang menyertai kaji selidik membuat bayaran bonus boleh ubah kepada kumpulan eksekutif dan kakitangan bukan eksekutif.

Aspek motivasi pekerja pula dapat dilihat menerusi kajian berasingan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada 2013.³ Kajian mendapati pelaksanaan PLWS menjadikan pekerja lebih bermotivasi dan mempunyai tahap kepuasan kerja yang lebih tinggi. Selain itu, firma menikmati peningkatan keuntungan sebanyak 10%, produktiviti (15%) dan upah (10%). Sejarai dengan kajian tersebut, Universiti Putra Malaysia (2015)⁴ juga mendapati bahawa pekerja menganggap pakej

¹ Sampel 200 firma dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

² Terdapat lebih kurang 5,000 firma berdaftar dengan MEF.

³ Sampel 300 firma mengambil bahagian dalam kajian ini.

⁴ 530 pekerja menjawab kaji selidik kajian oleh Universiti Putra Malaysia.

insentif yang disediakan menerusi PLWS adalah adil. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa pekerja secara umumnya berpuas hati dengan prospek kerjaya dan persekitaran kerja syarikat. Selain itu, pelaksanaan PLWS turut meningkatkan tahap kesetiaan terhadap organisasi.

Pelbagai usaha telah dijalankan KSM dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk memperluas penerimaan PLWS. Usaha tersebut termasuk melaksanakan program latihan, bengkel, seminar, taklimat, perundingan, pameran berkaitan amalan terbaik dan Anugerah PLWS. Selain itu, MPC telah membangunkan sistem atas talian WayUp yang terdiri daripada pelbagai alat penilaian elektronik seperti *easy Business Excellence (ezBE)*, *electronic Productivity Gain Measurement (ePGM)*, *electronic Benchmark (e-Benchmark)* dan *productivity toolkit (Prokit)* bagi memudahkan syarikat untuk menerima pakai PLWS. Sistem atas talian tersebut dapat membantu syarikat menilai dan memantau tahap pencapaian produktiviti. Sistem tersebut menganalisis kelebihan dan kelemahan setiap syarikat serta menyediakan cadangan penyelesaian utama untuk dilaksanakan.

Apakah Cabaran dalam Pelaksanaan PLWS?

Walaupun pelbagai kajian telah membuktikan kelebihan PLWS, namun kadar penggunaan sistem ini masih rendah. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kurang kesedaran mengenai faedah PLWS dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan bagi penggunaan sistem ini. Selain itu, bantahan daripada kesatuan sekerja dan kos pelaksanaan yang tinggi turut menyumbang kepada tahap penerimaan PLWS yang rendah.

Jadual 1.3.2. Majikan Menggunakan PLWS dan Pekerja Menikmati Faedah

	2016		2017		2018		2019 (Jun)	
	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja
Pertanian	4,081	387,018	4,283	413,372	4,412	429,133	4,501	447,355
Pembuatan	10,664	1,266,447	10,958	1,332,691	11,219	1,392,155	11,391	1,433,183
Pembinaan	5,418	152,918	5,486	156,813	5,612	167,170	5,680	177,687
Perkhidmatan	59,537	1,762,457	60,582	1,857,167	62,177	2,038,715	63,063	2,223,991
Lain-lain	907	50,476	1,117	76,426	1,502	146,274	1,612	157,782
Jumlah	80,607	3,619,316	82,426	3,836,469	84,922	4,173,447	86,247	4,439,998

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Hasil penemuan Soal Selidik Penyata Guna Tenaga Kebangsaan (NER) dan Jabatan Perhubungan Perusahaan,⁵ KSM menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2019, hanya 86,247 majikan telah melaksanakan PLWS yang telah memberi manfaat kepada lebih kurang 4.4 juta pekerja. Majikan dalam sektor perkhidmatan mencatat penyertaan tertinggi iaitu 73.1% diikuti oleh sektor pembuatan (13.2%), pembinaan (6.6%) dan pertanian (5.2%). Walau bagaimanapun, kadar penglibatan ini masih rendah terutamanya dalam kalangan PKS.⁶

Walaupun terdapat pelbagai manfaat daripada pembayaran gaji yang berasaskan prestasi, namun penggunaan kaedah ini juga mempunyai kelemahan. Ogbonnaya et al. (2017) melaporkan bahawa pekerja yang terlibat di bawah pelaksanaan sistem gaji berasaskan prestasi mungkin berasa lebih tertekan berbanding manfaat yang sepatutnya dinikmati menerusi sistem ini. Keadaan ini berlaku kerana pekerja beranggapan bahawa mereka perlu bekerja lebih kuat sehingga mengurangkan tahap kepuasan bekerja. Akhirnya, tekanan kerja boleh menyebabkan penurunan produktiviti dan seterusnya menghasilkan kesan yang sebaliknya berbanding faedah yang diharapkan. Kajian juga menyatakan bahawa pekerja di bawah sistem ini hanya cenderung untuk menjalankan aktiviti kerja yang dinilai

⁵ Berdasarkan kepada 102,517 majikan yang mengambil bahagian dalam Soal Selidik NER dan lawatan industri oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan, KSM.

⁶ Selaras dengan dapatan kajian oleh Bank Dunia, KSM dan Universiti Putra Malaysia.

dalam penilaian prestasi. Selain itu, Bank Dunia (2011) mendapati bahawa langkah mewajibkan pelaksanaan PLWS boleh menyebabkan peningkatan kadar pengangguran secara keseluruhan dan pertambahan guna tenaga dalam sektor tidak formal. Secara khususnya, pekerja berkemahiran rendah yang kurang menerima manfaat daripada pelaksanaan PLWS mungkin kurang bermotivasi untuk bekerja dan seterusnya memilih untuk bekerja dalam sektor tidak formal.

Bagaimanakah untuk Meningkatkan Penerimaan PLWS?

Usaha bersepadu untuk memperluas pelaksanaan PLWS perlu diteruskan bagi memastikan pemberian upah berhubung kait dengan tahap produktiviti. Dalam hal ini, kerjasama antara pelbagai pihak penting untuk melancarkan pelaksanaan sistem ini. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan meneruskan program peningkatan kemahiran dan latihan semula serta memperluas liputan sektor bagi membolehkan lebih ramai pekerja dapat dilatih. Program latihan tersebut bertujuan untuk melahirkan pekerja berkemahiran yang lebih produktif seterusnya memperoleh upah yang lebih tinggi.

Kempen dan promosi yang lebih berkesan juga perlu dijalankan oleh agensi Kerajaan dengan kerjasama pemain industri untuk menghebahkan kejayaan pelaksanaan PLWS. Bagi tujuan ini, semua agensi yang berurusan dengan sektor swasta perlu bertanggungjawab mempromosi dan menggalakkan syarikat untuk melaksanakan PLWS menerusi program *outreach* yang bersasar. Selain itu, majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja juga perlu dilibatkan dan digalakkan untuk menghadiri kursus atau sesi dialog berkaitan PLWS bagi meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan sistem ini.

Kajian yang komprehensif mengenai pelaksanaan PLWS boleh dijalankan untuk menganalisis dengan lebih terperinci mengenai impak penggunaan sistem ini meliputi sektor, negeri, saiz firma dan kategori pekerjaan. Selain itu, kajian ini boleh mencadangkan langkah yang bersesuaian bagi menambah baik ketelusan antara majikan dengan pekerja. Di samping itu, kesedaran dalam kalangan kesatuan sekerja juga perlu dipertingkatkan bagi membantu memperluas penerimaan PLWS dalam kalangan pekerja.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PLWS akan memberi faedah kepada majikan dan pekerja. Sistem ini membolehkan majikan dan pekerja menikmati ganjaran yang saksama hasil daripada peningkatan produktiviti atau penambahbaikan prestasi. Sistem ini juga menawarkan struktur gaji yang lebih fleksibel yang berupaya mendepani ketidakpastian ekonomi, memastikan kestabilan pekerjaan dan mengurangkan risiko kemungkinan pemberhentian pekerja semasa berlakunya kelembapan ekonomi. Justeru, sinergi di antara sektor swasta dengan agensi Kerajaan perlu diperkukuh bagi memastikan industri meraih manfaat daripada pelaksanaan PLWS seterusnya meningkatkan daya saing demi mencapai aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Kerajaan juga akan memastikan semua segmen masyarakat memperoleh manfaat daripada kemakmuran ekonomi negara tanpa mengambil kira gender, etnik, tahap pencapaian sosioekonomi dan kedudukan geografi. Bagi meningkatkan akses kepada rumah mampu milik, Kerajaan akan melaksanakan langkah konsolidasi dan memperkukuh pelbagai program perumahan sedia ada. Institusi kewangan juga akan digalakkan untuk menyediakan akses yang lebih baik untuk pembeli rumah kali pertama dengan memperkenalkan skim pembiayaan yang lebih fleksibel dan inovatif. Di samping itu,

skim pembiayaan perumahan sedia ada akan dikaji semula bagi menyediakan penyelesaian mampan untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah mampu milik.

Kerajaan akan memperkukuh kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penyediaan persekitaran yang selesa kepada pesakit semasa menerima rawatan di hospital dan klinik awam. Peruntukan akan disediakan untuk menaik taraf infrastruktur penjagaan kesihatan serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan kakitangan penjagaan kesihatan.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan menggalakkan gaya hidup sihat dan memperluas program penjagaan preventif di seluruh negara.

Seiring dengan usaha untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif, Kerajaan terus memberi keutamaan kepada pembangunan mampan. Beberapa krisis alam sekitar telah berlaku pada 2019 yang bukan sahaja menjejaskan alam sekitar tetapi juga kesihatan dan kelangsungan hidup rakyat. Bagi menangani insiden sedemikian, Belanjawan 2020 merangkumi pelbagai strategi, program dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan pihak berkepentingan di semua peringkat serta mengukuhkan penguatkuasaan perlindungan alam sekitar.

Kerajaan akan terus melaksanakan pembaharuan institusi dengan memberi tumpuan khusus kepada sektor awam. Belanjawan 2020 akan memberi fokus kepada pengukuhan sektor awam melalui pelbagai langkah termasuk mendukung integriti dan tadbir urus, meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam, mengoptimumkan peruntukan sumber serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Penubuhan Pejabat Pengurusan Hutang

(DMO) menzahirkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pengurusan fiskal yang berkesan dan cekap.

Kerajaan akan menambah baik sistem percukaian dengan merapatkan jurang cukai, meminimumkan ketirisan cukai, meneroka sumber hasil baharu dan menambah baik pentadbiran cukai. Pada masa yang sama, prosedur berkaitan operasi perniagaan akan diperkemas. Inisiatif tersebut bukan sahaja meningkatkan kedudukan kewangan Kerajaan tetapi turut memperkuat penyampaian perkhidmatan awam demi memenuhi harapan rakyat.

Secara keseluruhan, inisiatif strategik tersebut selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang memfokuskan kepada peningkatan kuasa beli rakyat serta merapatkan jurang pendapatan dan pembangunan wilayah. Usaha ini meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan mampan iaitu perusahaan berkembang dalam persekitaran yang mesra perniagaan dan pada masa yang sama rakyat dapat hidup sebagai masyarakat yang harmoni, stabil dan makmur. Inisiatif ini merupakan komitmen Kerajaan kepada rakyat.

Rencana 1.4

Malaysia pada 2030

Pendahuluan

Dunia kini sedang melalui fasa transisi dramatik dengan peralihan kuasa ekonomi dan politik merupakan perubahan terpenting yang berlaku di peringkat global. Menurut Smith (2015), dunia sedang mengalami perubahan populasi manusia, ekonomi, permintaan tenaga dan sumber, perubahan iklim serta faktor lain yang penting kepada tamadun dan ekosistem global. Justeru, pemahaman tentang trend populasi global dan jangkaan perubahan demografi amat penting dalam mendepani cabaran pada masa hadapan.

Walaupun 2030 berbaki sebelas tahun lagi, *megatrend*¹ jelas sedang membentuk hala tuju dunia dengan menghasilkan peluang dan cabaran. Ekonomi global sedang menghadapi pelbagai risiko termasuk peningkatan pertikaian perdagangan dan perubahan iklim serta situasi kewangan global yang ketat dan mendadak boleh menjejaskan aktiviti ekonomi dan prospek pertumbuhan jangka masa panjang. Dalam hal ini, penggubalan pelan tindakan untuk mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 memerlukan pemahaman tentang bagaimana dunia dan negara akan terbentuk pada tahun tersebut.

¹ Merujuk kepada peralihan dalam tingkah laku atau sikap yang mempunyai impak global dan merentasi pelbagai industri.


Empat Kuasa Global

Berdasarkan kajian Smith (2015), empat kuasa global yang membentuk landskap dunia pada hari ini ialah demografi, sumber asli, globalisasi dan perubahan iklim. Kuasa global ini dijangka turut memberi impak yang sama terhadap Malaysia. Perkara ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam subtopik berikutnya.


Demografi

Dari segi demografi, peningkatan populasi berbanding ketersediaan sumber semula jadi merupakan antara kebimbangan di peringkat global. Populasi dunia dijangka meningkat 0.9%² daripada 7.7 bilion pada 2019 kepada 8.5 bilion pada 2030. Jumlah penduduk di Asia dijangka meningkat 0.6%² daripada 4.4 bilion pada 2019 kepada 4.9 bilion pada 2030 (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2019).

Rajah 1.4.1. Populasi Penduduk mengikut Kawasan Utama, 1950–2030



Rajah 1.4.2. Piramid Populasi Malaysia, 2030




Penduduk Malaysia dijangka meningkat 1.4%² daripada 32.6 juta pada 2019 kepada 38.1 juta pada 2030 (DOSM, 2019). Selain itu, diunjurkan 15% penduduk akan berusia 60 tahun dan ke atas apabila Malaysia menghampiri status negara tua pada 2030 berbanding 10% pada 2019. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menggambarkan tiga cabaran utama bagi penuaan penduduk di Malaysia iaitu kurang simpanan hari tua, kehidupan yang kurang sihat dan perihai kesunyian.

Sumber Asli


Selari dengan peningkatan berterusan populasi dunia, permintaan akan terus bertambah terhadap sumber asli yang semakin berkurangan. Sebagai contoh, berdasarkan kepada kadar pengeluaran semasa, rizab minyak dunia sedia ada dijangka habis dalam tempoh 42 tahun termasuk sumber asli tidak boleh diperbaharui yang lain. Di Malaysia, rizab minyak dan gas dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh sekitar sepuluh tahun (British Petroleum, 2019). Selain itu, sumber air tawar negara turut dijangka berkurangan pada masa hadapan. Pada 2010, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah melaksanakan kajian berkenaan Sumber Air Negara dengan unjuran sehingga 2050. Kajian ini telah mengenal pasti 12 isu utama³ yang memberi kesan kepada kemampuan sumber air di Malaysia.

² Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan bagi 2015 – 2030.

³ 12 isu utama adalah struktur tadbir urus yang tidak cekap dan penguatkuasaan yang tidak berkesan; pencemaran air dan kemerosotan kualiti air sungai; industri yang tidak mampan dan kurang daya tahan jangka panjang; peningkatan permintaan untuk perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai; inisiatif pemulihan sumber terhad; persaingan untuk sumber air merentas sektor; pendekatan reaktif dalam menangani bencana; penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi masih di peringkat awal; kurang rasa kebertanggungjawaban terhadap sumber air dalam kalangan awam; perubahan dalam penggunaan tanah disebabkan oleh perbandaran dan perindustrian yang pantas; kurang pengoptimuman bagi air banjir; dan kuantiti sumber air mampan yang tidak mencukupi.

Rajah 1.4.3. Permintaan Tenaga Utama Dunia

Sumber: BP Energy Outlook 2017 – 2030, 2019 Edition.

Rajah 1.4.4. Permintaan Tenaga mengikut Rantau

Sumber: BP Energy Outlook 2017 – 2030, 2019 Edition.

Jadual 1.4.1. Sumber Asli di Malaysia, 2018

Sumber	Simpanan (tan metrik)	Piawaian Nisbah Rezab kepada Pengeluaran	Simpanan Unjuran 2030 (tan metrik)	Kegunaan Utama
Arang Batu	449,000,000	169	417,000,000	Tenaga
Bijih Besi	24,369,069	7	–	Tenaga
Bauksit (Aluminium)	80,739,998	11	73,000,000	Pelbagai
Timah	893,820	231	840,000	Penyaduran, elektronik, pembinaan, industri
Emas	97	33	60	Barangan kemas, industri, pelaburan

Sumber: Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

Globalisasi

Globalisasi menyebabkan perubahan kuasa ekonomi secara beransur-ansur. Pada 2000, berdasarkan kepada ukuran Pariti Kuasa Beli (PPP)⁵ ekonomi maju telah menjana 57% daripada output global. Menjelang 2024, bahagian tersebut akan jatuh kepada 37% berdasarkan kepada unjuran IMF manakala bahagian bagi China akan melonjak daripada 7% kepada 21% dan ekonomi Asia yang berkembang pesat akan mencakupi 39% daripada output global berbanding 15% untuk EU dan 14% untuk AS. Menjelang 2030, KDNK China (PPP) dijangka meningkat kepada USD38 trilion dan mengekalkan kedudukan sebagai ekonomi terbesar diikuti oleh AS dan India. Indonesia turut dijangka meningkat kepada kedudukan kelima dengan KDNK USD5.4 trilion. Pada masa yang sama, kedudukan Malaysia dijangka meningkat dari tangga ke-27 ke tangga ke-25. Namun demikian, kedudukan relatif kuasa ekonomi dari segi prestasi bergantung kepada pelbagai faktor seperti kemunculan amalan dasar perlindungan perdagangan yang mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia atau bahkan pembalikan kepada globalisasi (Wolf, 2019).

⁴ Tonne of oil equivalent (TOE) adalah unit tenaga yang ditakrifkan sebagai jumlah tenaga yang dikeluarkan oleh pembakaran satu tan minyak mentah.

⁵ PPP mengangkar KDNK dengan menyesuaikan perbezaan harga antara negara dan mengukur dengan lebih baik jumlah barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh ekonomi berbanding pengukuran KDNK pada kadar pertukaran semasa yang diukur berdasarkan nilai.

Jadual 1.4.2. Unjuran Kedudukan Ekonomi Berdasarkan KDNK pada Kedudukan PPP (pada harga malar 2016, USD bilion)

Kedudukan KDNK PPP	Kedudukan 2016		Kedudukan 2030	
	Negara	KDNK pada PPP	Negara	Unjuran KDNK pada PPP
1	China	21,269	China	38,008
2	Amerika Syarikat	18,562	Amerika Syarikat	23,475
3	India	8,721	India	19,511
4	Jepun	4,932	Jepun	5,606
5	Jerman	3,979	Indonesia	5,424
6	Rusia	3,745	Rusia	4,736
7	Brazil	3,135	Jerman	4,707
8	Indonesia	3,028	Brazil	4,439
9	United Kingdom	2,788	Mexico	3,661
10	Perancis	2,737	United Kingdom	3,638
11	Mexico	2,307	Perancis	3,377
12	Itali	2,221	Turki	2,996
13	Republik Korea	1,929	Arab Saudi	2,755
14	Turki	1,906	Republik Korea	2,651
15	Arab Saudi	1,731	Itali	2,541
16	Sepanyol	1,690	Iran	2,354
17	Kanada	1,674	Sepanyol	2,159
18	Iran	1,459	Kanada	2,141
19	Australia	1,189	Mesir	2,049
20	Thailand	1,161	Pakistan	1,868
21	Mesir	1,105	Nigeria	1,794
22	Nigeria	1,089	Thailand	1,732
23	Poland	1,052	Australia	1,663
24	Pakistan	988	Filipina	1,615
25	Argentina	879	Malaysia	1,506
26	Belanda	866	Poland	1,505
27	Malaysia	864	Argentina	1,342
28	Filipina	802	Bangladesh	1,324
29	Afrika Selatan	736	Viet Nam	1,303
30	Colombia	690	Afrika Selatan	1,148
31	Bangladesh	628	Colombia	1,111
32	Viet Nam	595	Belanda	1,080

Sumber: Anggaran Tabung Kewangan Antarabangsa 2016 dan unjuran PricewaterhouseCoopers bagi 2030.

Perubahan Iklim

Purata suhu global kini sedang meningkat ke tahap yang tinggi seiring dengan peningkatan kepekatan gas rumah hijau dalam atmosfera. Kesan rumah hijau ini secara konsisten mempengaruhi peningkatan suhu purata. Walau bagaimanapun, kitaran atau proses semula jadi lain seperti letusan gunung berapi yang turut mempengaruhi iklim tidak mempengaruhi suhu purata secara konsisten. Maklumat impak perubahan iklim terhadap manusia dan kehidupan telah banyak

direkodkan. Sebagai contoh, sejumlah 35,000 orang telah terkorban pada 2003 apabila gelombang haba melampau melanda seluruh Eropah. Di samping itu, fenomena ini turut meragut ratusan nyawa lagi di AS, China, India dan Jepun pada musim panas berikutnya (Smith, 2015). Malaysia juga mengalami trend pemanasan semenjak beberapa dekad lalu. Menurut Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, purata peningkatan suhu tahunan bagi Semenanjung Malaysia dijangka berubah daripada 0.6°C kepada 0.9°C manakala Sabah dan Sarawak daripada 0.8°C kepada 1.0°C dan 0.6°C kepada 0.8°C menjelang 2030.⁶ Perubahan iklim boleh memberi kesan ketara terhadap strategi pembangunan dan dasar makroekonomi global terutamanya dalam kalangan negara lebih miskin dan mudah terjejas.

Kemajuan Teknologi Sebagai Pemangkin Kuasa Global

Berikutan cabaran besar yang wujud daripada empat kuasa global tersebut, kemajuan teknologi boleh dimanfaatkan untuk meminimumkan impak dan memudahkan pelaksanaan inisiatif bagi menangani cabaran tersebut. Sebagai contoh, kemajuan teknologi dalam komunikasi global memudah cara para peniaga meneroka peluang baharu dalam negara dan rentas sempadan. Selain itu, penggunaan teknologi maju dalam bidang lain juga penting dalam mengatasi cabaran daripada perubahan demografi dan permintaan terhadap sumber asli dan tenaga termasuk menangani ketidaktentuan yang muncul daripada kesan globalisasi dan perubahan iklim.

Ini selaras dengan dapatan Smith (2015) yang menyatakan bahawa kemajuan teknologi berpotensi untuk menangani kesan daripada empat kuasa global tersebut. Sebagai contoh, penjagaan kesihatan moden dan farmakologi dapat membantu orang tua menjadi lebih sihat dan produktif terutamanya di negara yang sedang membangun. Pada masa yang sama, kemajuan bioteknologi, nanoteknologi dan sains bahan menggalakkan peralihan daripada penggunaan sumber tenaga yang semakin berkurangan seperti minyak dan gas kepada peningkatan permintaan terhadap sumber asli hijau dan boleh diperbaharui. Dari aspek menangani perubahan iklim, kemajuan teknologi seperti grid pintar, panel solar dan kejuruteraan geo membantu usaha mengurangkan kesan dan mengekang perubahan iklim yang semakin buruk. Kemajuan teknologi penting kerana dapat bertindak sebagai pemangkin yang memberikan impak positif atau mengurangkan kesan daripada empat kuasa global dan bukan bertindak sebagai kuasa bebas itu sendiri.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menetapkan hala tuju baharu ekonomi bagi memastikan kesejahteraan bersama semua rakyat Malaysia. Wawasan ini bermatlamatkan pembangunan mampan dengan pengagihan ekonomi yang saksama serta inklusif merentasi setiap peringkat rangkaian bekalan, etnik dan wilayah bagi mewujudkan kestabilan politik dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Teras strategik bagi Wawasan ini adalah seperti berikut:

- ekosistem perniagaan dan industri negara;
- aktiviti pertumbuhan ekonomi utama;
- modal insan;
- pasaran buruh dan pampasan pekerja;
- kesejahteraan sosial;
- keterangkuman wilayah; dan
- modal sosial.

⁶ Berdasarkan kepada *Malaysia Third National Communication (NC3) and Second Biennial Update Report (BUR2)* bagi memenuhi keperluan laporan Malaysia kepada United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) 2018.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menggariskan tiga objektif utama. Objektif pertama memberi fokus kepada penstrukturan ekonomi yang progresif, berasaskan pengetahuan dan bernilai tinggi melalui penyertaan penuh dalam semua lapisan masyarakat. Objektif ini dapat dicapai melalui pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan serta memastikan kesejahteraan dinikmati oleh rakyat Malaysia secara saksama.

Objektif kedua pula menangani ketidaksamaan dalam pelbagai aspek termasuk mengurangkan jurang rantaian bekalan dan antara etnik serta merapatkan jurang antara wilayah bagi memastikan tiada siapa yang ketinggalan. Objektif ini memerlukan pembangunan masyarakat yang sentiasa ingin menimba ilmu pengetahuan, membangunkan industri baharu dan mewujudkan peluang ekonomi yang dapat memenuhi pelbagai keperluan masyarakat yang berbeza.

Objektif ketiga Wawasan ini pula adalah untuk merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermartabat. Justeru, terdapat keperluan untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat pertumbuhan ekonomi Asia serta memperkukuh institusi demokrasi. Selain itu, usaha juga diperlukan bagi memerangi gejala rasuah dan menghapus ketirisan sumber Kerajaan, membasmi salah tanggapan rakyat terhadap Kerajaan, memupuk perpaduan kaum dan memastikan pembangunan mampan bagi mencapai objektif ini.

Kesimpulan

Dunia sedang berubah dari segi pertumbuhan penduduk, permintaan sumber asli, globalisasi dan perubahan iklim. Pada masa yang sama, Malaysia juga perlu sentiasa peka terhadap faktor lain yang membentuk masa hadapan negara. Bagi mendepani hakikat ini, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 diperkenalkan untuk meletakkan Malaysia di landasan pembangunan yang mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di semua peringkat rantaian bekalan, etnik dan wilayah bagi mewujudkan keharmonian dan kestabilan dalam kalangan rakyat Malaysia. Wawasan ini mengetengahkan idea dan pengharapan semua rakyat Malaysia bagi memupuk perpaduan tanpa prejudis serta meraikan kepelbagaian kaum dan budaya demi melahirkan sebuah negara yang bersatu padu, makmur dan bermartabat.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh asas yang kukuh meskipun berhadapan ketidaktentuan ekonomi global. Pertumbuhan KDNK benar dijangka berkembang 4.7% pada 2019. Ekonomi dijangka terus kukuh dengan pertumbuhan 4.8% pada 2020 didorong oleh permintaan domestik. Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan penggunaan swasta meningkat 6.9% dan pelaburan swasta berkembang 2.1% pada 2020. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijangka kembali pulih berikutan peningkatan pelaburan. Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka lebih

menyeluruh dengan semua sektor mencatat pertumbuhan positif.

Meskipun ekonomi dijangka berkembang, namun ketidaktentuan luaran boleh menjejaskan prospek pertumbuhan. Justeru, Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah meminimumkan risiko dan memacu ekonomi dengan meningkatkan peluang ekonomi, memperkukuh modal insan, memastikan inklusiviti serta menambah baik institusi dan kewangan awam. Inisiatif strategik ini akan meletakkan asas bagi mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 seterusnya membolehkan Malaysia muncul semula sebagai Harimau Asia.

Rujukan

- Alexander, Co. (1993). The Changing Relationship between Productivity, Wages and Unemployment in the UK, *Oxford Bulletin of Economics and Statistics*, 55(1), 87-102.
- Asia-Pacific Economic Cooperation. (2008). *Impact of Performance Based Remuneration Systems on Productivity Performance of Local Industries Compilation*, 65-140.
- Azen, R. & Budescu, D. V. (2006). *Journal of Educational and Behavioral Statistics*, 31(2), 157-180.
- Bank Dunia. (2011). *Productivity-Linked Wage System in Malaysia*.
- Bank Dunia. (2018). *Logistics Performance Index 2018*. Dicapai daripada <https://lpi.worldbank.org/international/global/2018>
- Barro, R. J. (2001). Human Capital and Growth. *The American Economic Review*, 91(2), 12-17.
- BP. (2019). *BP Energy Outlook. 2019 Edition*. Dicapai daripada <https://www.bp.com>
- Duque, J. C., Ramos, R. & Surinach, J. (2006). Wages and Productivity: The Role of Labour Market Institutions in OECD Countries, *Empirica*, 33, 231-243.
- Easterly, W. & Levine, R. (2001). What have we learned from a decade of empirical research on growth? It's Not Factor Accumulation: Stylized Facts and Growth Models. *The World Bank Economic Review*, 15(2), 177-219.
- Feldstein, M.S. (2008). *Do Wages Reflect Growth in Productivity?* (Working Paper No. 13953). National Bureau of Economic Research.
- Ho, L. P. & Yap, S. F. (2001). The Link Between Wages and Labor Productivity: an Analysis of the Malaysian Manufacturing Industry, *Malaysian Journal of Economic Studies*, 38(1&2), 51-57.
- Institut Kajian Khazanah. (2019). *Rethinking Housing: Between State, Market and Society*. Dicapai daripada http://www.krinsstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/20190425_Rethinking%20Housing%20-20Between%20State,%20Market%20and%20Society.pdf%20Between%20State,%20Market%20and%20Society.pdf
- International Diabetes Federation (IDF). (2017). *IDF Diabetes Atlas. 8th Edition 2017*.
- International Labour Office. (2013). *Can Better Working Conditions Improve the Performance of SMEs? An International Literature Review*.
- International Labour Office. (2016). *Productivity, Wages and Unions in Japan*.
- Jabatan Audit Negara. (2019). *Laporan Ketua Audit Negara 2018. Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan*. Dicapai daripada https://www.audit.gov.my/images/pdf/2019/LKAN2018Siri1/LKAN2018S1_AKTIVITI%20KEM%20JAB%20BBP.pdf
- Jabatan Imigresen Malaysia. (2017). *Expatriate Services Division (ESD) Online Guidebook*. Dicapai daripada <https://esd.imi.gov.my/portal/pdf/tc-esd-quick-guidev3-20190201.pdf>
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH). (2019). *Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2019*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Ageing. Population and Demographics Newsletter*, 1.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Household Income and Basic Amenities Survey Report 2016*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductFreeDownloadSearch.seam>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Jadual Input-Output 2015*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Jadual Input-Output 2010*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=31003>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Jadual Input-Output 2005*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=31014>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *The Current Population Estimates, Malaysia 2019*.
- Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia. (2013). *Productivity Linked-Wage System*. Dicapai daripada <http://jpp.mohr.gov.my/files/pdf/plws%20new%20BM%20ENG.pdf>

- Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. (2010). *National Water Resources Study*.
- Kementerian Sumber Manusia. (2013). *Study on Implementing Productivity-Linked Wage System (PLWS): Towards A High Income Economy*.
- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. (2018). *Malaysia Third National Third National Communication And Second Biennial Update Report To The UNFCCC*. Dicapai daripada <https://www.mestec.gov.my>
- Kim, Y. E. & Loayza, N. V. (2019). *Productivity Growth: Patterns and Determinants Across the World*. Bank Dunia.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2018). *Social Protection Insight, 3*. Dicapai daripada <https://www.kwsp.gov.my/ms/about-epf/news-highlights/publications#SocialSecurityInsight>
- Lavrakas, P. J. (2008). *Interaction Effects*. *Encyclopedia of Survey Research Methods*.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2014). *Kajian Penduduk dan dan Keluarga Malaysia Kelima*.
- Marsh & McLennan. (2019). *2019 Medical Trends Around the World*. Dicapai daripada <https://www.mercermarshbenefits.com/en/intellectual-capital/2019-medical-trends-around-the-world1.html>
- Meghan, M. (2002). *Disentangling the Wage-Productivity Relationship: Evidence from Select OECD Member Countries*, *International Advances in Economic Research*, 8(4), 314-323.
- Ogbonnaya, C., Daniels, K. & Nielsen, K. M. (2017). *Does Contingent Pay Encourage Positive Employee Attitudes and Intensify Work?* *Human Resource Management Journal*, 27(1), 94-112.
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.). (2018). *Annual Report 2017. A Step Closer to the Future*. Dicapai daripada http://www.smecorp.gov.my/images/AnnualReport/2018 /AR_ English.pdf
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2019). *World Population Prospects 2019*. Dicapai daripada <http://www.un.org>
- PricewaterhouseCoopers (PwC). (2017). *The Long View: How will the global economic order change by 2050?*
- Productivity Way Up Malaysia. Dicapai daripada <http://www.wayup.my/wayup>
- Smith, L. C. (2015). *The World in 2050: Four Forces Shaping Civilisation's Northern Future*. London: Penguin Group.
- Solow, R. M. (1957). *Technical Change and The Aggregate Production Function*. *The review of Economics and Statistics*, 312-320.
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). *World Economic Outlook, April 2019*. Dicapai daripada <http://www.imf.org>
- Universiti Putra Malaysia. (2015). *Study on the Implementation of the Productivity-Linked Wage System in the Major Sector (Manufacturing and Services) and its' Impact on Organisation and Employees*.
- ValueChampion. (2019). *Top 5 Greenest Countries in Asia-Pacific*. Dicapai daripada <https://www.valuechampion.sg/top-5-greenest-countries-asia-pacific>
- Wolf, M. (2019). *Today and Tomorrow. Finance and Development. A Quarterly Publication of the International Monetary Fund*, 56, 5-8.
- World Economic Forum (WEF). (2019). *The Travel & Tourism Competitiveness Report 2019: Travel and Tourism at a Tipping Point*. Dicapai daripada http://www3.weforum.org/docs/WEF_TTCR_2019.pdf
- World Tourism Organization (UNWTO). (2019). *World Tourism Barometer*, 17(2).

